



Hidup sia-sia jika bertunjang nafsu

Tidak dapat nikmati hidup sebenar apabila diburu rasa bersalah



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

Dalam dunia tanpa sempadan, keperluan material menjadi keutamaan dalam setiap perkara. Urusan sosial manusia juga semakin bersifat kebendaan, meskipun pelbagai usaha dan kesedaran rohaniah diterapkan dalam setiap aspek kehidupan.

Bahkan, kebenaran dan kebatilan juga bagai tidak termampu dipisahkan apatah lagi garis sempadan semakin kabur. Paling menyedihkan apabila kebenaran atau kebaikan dianggap sebagai urusan orang tertentu saja dan bukannya tanggungjawab setiap insan.

Agama adalah fitrah bagi setiap manusia yang membimbing kita mem-

bezakan antara kebenaran dan kebatilan. Justeru, sebagai manusia yang waras dan berakal, tiada sesiapa yang sukakan kezaliman dan kejahatan, sama ada melakukan atau dilakukan.

Malangnya, kerana kerakusan nafsu, ada yang memilih untuk melakukan kejahatan. Yang perlu kita ingat, ada 'sesuatu' bersama kita yang sentiasa memujuk kita untuk turut sama bermaksiat kepada Allah SWT.

Dalam surah al-Mujadalah, ayat yang 19, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Syaitan telah menguasai mereka, sehingga mereka lupa mengingati Allah, mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak syaitan itu orang yang rugi."

Syaitan sesatkan manusia

Kita semua maklum bahawa syaitan adalah makhluk pertama yang melakukan kemungkaran kepada Allah SWT dan sentiasa berada dalam kejahatan.

Ia bukan saja terus berada dalam kesesatan tetapi juga akan terus menyestatkan manusia.

Sesuai dengan sifatnya yang kufur dan musuh utama manusia, syaitan tidak akan berputus asa untuk menjauhkan

manusia dari syurga. Malangnya juga, ramai dalam kalangan kita yang memilih untuk mengikuti jalan ini.

Mereka tidak segan silu melakukan maksiat kepada Allah SWT dan menzalmi sesama manusia, hatta anak kecil pun didera sehingga mati.

Golongan ini jauh daripada petunjuk Allah SWT kerana tidak mahu menerima kebenaran dan dalam hati mereka terdapat sifat tercela yang mendorong ke arah derhaka kepada Allah SWT.

Saidina Ali ra berkata: "Yang paling aku takutkan menimpa kamu adalah panjang angan-angan dan mengikuti hawa nafsu. Panjang angan-angan dapat melupakan kehidupan akhirat, sedangkan mengikuti hawa nafsu dapat menghalang-halangi kebenaran."

Dalam usaha mencari pengikut dalam kalangan manusia, syaitan melakukan fasad (kerosakan) dan menghasut manusia supaya berpaling daripada Allah SWT dengan menggunakan dua cara, iaitu perkataan dan perbuatan.

Saidina Mu'adz pernah bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai amalan yang dapat memasukkan ke dalam syurga dan menjauhkan daripada api neraka.

Dengan memegang lidahnya, Rasulullah SAW bersabda: "Jagalah lisanmu, kecuali untuk berkata baik, sebab dengan demikian itu engkau dapat mengalahkan godaan syaitan." (Riwayat at-Tabrani)

Sebab itulah kita harus sentiasa bermuhasabah, menginsafi kesalahan yang telah dilakukan dan berjanji untuk tidak mengulanginya.

Mengakui kelemahan

Tentulah bukan mudah mengakui kelemahan, apatah lagi memohon kemaafan dengan orang, tetapi jika itulah jalannya untuk kembali ke pangkal, sudah pasti tiada sesiapa yang akan terkilan.

Kita haruslah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan sentiasa membaca ayat suci al-Quran dan melakukan amal kebaikan dengan bersandarkan kepada reda-Nya semata-mata serta tiada hasad dengan orang lain.

Dalam kehidupan hari ini ramai manusia yang memiliki hati syaitan atau menjadikan syaitan sebagai saudara mereka.

Ia berlaku kerana kita tidak menyedari

siapa musuh kita yang sebenarnya, juga tidak arif akan agenda jahat syaitan.

Maka, kita menjadikan syaitan sebagai sahabat dan bersekolong dengan musuh Allah SWT ini kerana kebanggaan tiada siapa yang nampak dan tahu siapa sahabat kita. Sedangkan setiap perbuatan yang dilakukan menggambarkan landskap sosial mereka yang sebenar. Ia jelas melalui perkataan yang dilafazkan dan juga perbuatan yang dilakukan.

Allah SWT menjelaskan bahawa sesiapa saja yang menjadikan nafsu dan syaitan sebagai peneraju kehidupan akan menemui kegagalan. Mereka sentiasa resah kerana sentiasa diburu rasa bersalah, bukan saja kepada Allah SWT tetapi juga kepada diri sendiri.

Namun, kita perlu tahu bahawa Allah SWT Maha Pengampun dan Maha Mengasihani. Tiada jurang yang memisahkan antara makhluk dan penciptanya sekiranya kita benar-benar merasai manisnya sifat kehambaan.

Hijrah daripada kejahilan, kebatilan

Keyakinan bahawa kita mampu berhijrah daripada kejahilan dan kebatilan juga akan membantu dan mendorong kekuatan jiwa sehingga akhirnya kita akan berjaya melawan syaitan.

AL QURAN

"Berlumbalah kamu untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya, itulah kurniaan Allah, diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki, dan Allah mempunyai kurnia yang besar"

Surah al-Hadid
ayat 21

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hadid, ayat 21 yang mafhumnya: "Berlumbalah kamu untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Rasul-Nya, itulah kurniaan Allah, diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki, dan Allah mempunyai kurnia yang besar."

Selain penguatkuasaan undang-undang yang utuh, manusia juga perlu dididik rohaninya agar sentiasa cintakan kebaikan dan hidup dengan penuh keharmonian.

Kita jangan terlupa untuk hidup seperti bersaudara kerana kekuatan ukhuwah itulah yang menjadikan manusia saling menolong dan berkasih sayang sekali gus menolak kezaliman. Tiada juga kehidupan yang fakir yang membuatkan manusia terdesak untuk melakukan jenayah jika kita saling prihatin dan membantu.